

# WEKARE TERBINAFINE SPRAY 1%W/V

Terbinafine Hydrochloride 1%w/v

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v
2. Bagaimana WeKare Terbinafine Spray 1%w/v berfungsi
3. Sebelum menggunakan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v
4. Cara menggunakan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v
5. Semasa menggunakan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v

Untuk rawatan jangkitan kulat pada kulit seperti kaki atlet (tinea pedis), gatal pangkal paha (tinea cruris), kurap (tinea corporis), panau (tinea versicolor) dan kandidiasis kulit.

## Bagaimana WeKare Terbinafine Spray 1%w/v berfungsi

Terbinafine ialah *allylamine* yang mempunyai spektrum luas aktiviti antikulat dalam jangkitan kulat pada kulit. Ia bertindak sebagai racun kulat terhadap dermatofit, acuan dan kulat dimorf tertentu. Ia mempunyai tindakan *fungicidal* atau *fungistatic* pada yis bergantung kepada spesies yang terlibat.

## Sebelum menggunakan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v

- Bila tidak boleh menggunakan  
Jangan guna jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang bahan kandungan dalam WeKare Terbinafine Spray 1%w/v.

WeKare Terbinafine Spray 1%w/v tidak digalakkan untuk digunakan pada wanita hamil dan menyusukan.

## - Sebelum menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini jika anda mempunyai sebarang penyakit.

## Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Ubat ini tidak patut diberikan semasa hamil kecuali manfaat berpotensi melebihi risiko berpotensi. Terbinafine diekskresikan dalam susu ibu dan walaupun kandungannya sedikit, ibu tidak patut menerimanya semasa penyusuan. Bayi juga tidak patut bersentuhan dengan mana-mana kulit dirawat, termasuk payudara.

## - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v

- Berapa banyak perlu digunakan  
Bersihkan dan keringkan kawasan yang terjangkit sebelum penggunaan. Semburkan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v ke kawasan yang terjangkit sekali sehari selama satu minggu. Sembur dari jarak 5 hingga 10cm. Rawatan perlu diteruskan selama 2 minggu selepas semua tanda jangkitan hilang bagi mengelakkan jangkitan semula. Penjagaan kebersihan diri amat penting dalam pengurusan jangkitan kulat, terutamanya pada bahagian lipatan kulit dan kaki. Sila rujuk kepada doktor jika tiada tanda-tanda pemulihan selepas 4 minggu.

## - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda

## - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini seperti yang dinyatakan dalam risalah tanpa melebihi dos. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

## - Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan teruskan penggunaan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan gunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika dos berlebihan telah digunakan.

Jika anda secara tidak sengaja terterlan sejumlah besar ubat, gejala yang mungkin berlaku termasuk sakit kepala, loya, muntah, sakit epigastrik dan pening.

Sekiranya tertelan ubat secara tidak sengaja, lavage gastrik dan/atau rawatan sokongan simptomatik harus dilakukan secepat mungkin.

## Semasa menggunakan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v

- Perkara yang perlu dilakukan  
Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

## - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

# WEKARE TERBINAFINE SPRAY 1%W/V

Terbinafine Hydrochloride 1%w/v

---

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luar sahaja. Elakkan sentuhan atau penggunaan ubat ini pada mata, hidung atau mulut, atau di dalam faraj.

Jika ubat terkena di kawasan tersebut, bilas dengan banyak air. Tidak boleh dimakan.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, WeKare Terbinafine Spray 1%w/v boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kemerahan, gatal-gatal atau kepedihan mungkin berlaku pada bahagian yang disapu dengan ubat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan atau laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Public* →*Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Terbinafine Spray 1%w/v**

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Larutan tanpa berwarna yang berbau khas.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

*Terbinafine Hydrochloride*

- Bahan tidak aktif

*Methylated Spirit (contains 57.24%v/v alcohol), Propylene Glycol, Fragrance & Purified Water*

- Nombor MAL:

MALXXXXXX

**Pengilang dan Pemegang**

**Pendaftaran Produk**

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd  
24, Jalan Lambak,  
Taman Johor,  
81200 Johor Bahru,  
Johor, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

29/09/2025

**Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/137